

**D.R. 3/2012**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2011) 2012.

**Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2011**

**2.** Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sepuluh bilion dua ratus sembilan puluh juta dua ratus empat puluh tiga ribu lapan ratus ringgit (RM10,290,243,800) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2011 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2011 [*Akta A1388*].

## JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	48,770,200
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	353,760,000
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	782,516,100
B. 10	Perbendaharaan	204,450,000
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	4,045,004,500
B. 12	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	2,825,131,410
B. 22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	2,239,300
B. 23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	13,220,000
B. 25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	5,000,000
B. 27	Kementerian Kerja Raya	152,000,000
B. 28	Kementerian Pengangkutan	80,302,680
B. 41	Kementerian Pelajaran	279,665,000
B. 42	Kementerian Kesihatan	621,870,200
B. 46	Kementerian Sumber Manusia	1,350,810
B. 48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	275,000,000
B. 60	Kementerian Pertahanan	54,336,600
B. 62	Kementerian Dalam Negeri	545,627,000
JUMLAH		10,290,243,800

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak sepuluh bilion dua ratus sembilan puluh juta dua ratus empat puluh tiga ribu lapan ratus ringgit (RM10,290,243,800) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2011.

[PN(U<sup>2</sup>)2206]